

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 5 April 1985 > Page 3 > Usaha PWM abadikan jasawan disambut baik

Usaha PWM abadikan jasawan disambut baik

Berita Harian, 5 April 1985, Page 3

Article also available on Microfilm Reel NL15039

★ Add to Citation

[Previous Article](#)[Next Article](#)[Previous Page](#)[Next Page](#)

Usaha PWM abadikan jasawan disambut baik

USAHA Persatuan Wartawan Melayu Singapura (PWM) untuk mengabadikan jasawan Melayu mendapat sambutan yang menggalakkan.

Ramai wartawan, penulis, orang perseorangan yang bergiat dalam bidang kemasyarakatan, persatuan, kesatuan sekerja, penyanyi, pelakon drama dan filem telah membalas borang-borang yang dikirimkan oleh PWM baru-baru ini.

Walaupun ramai daripada jasawan itu telah meninggal dunia, kerjasama penuh didapati daripada waris-waris mereka.

Sedang disusun

Sambutan itu telah membolehkan PWM mengumpulkan kira-kira 100 borang yang telah siap diisi dari Singapura, Malaysia dan Brunei. Demikian menurut Pengerusi Jawatankuasa Pembukuan Jasawan, Haji Sulaiman Jeem.

Beliau menarik perhatian bahawa dari Singapura pihaknya telah

dapat mengumpulkan kira-kira 75 orang, Malaysia 20 dan Brunei lima.

Butir-butir orang perseorangan atau waris mereka kini sedang disusun dan dikumpulkan untuk memudahkan usaha membukukan 'Jasawan Kita'.

PWM telah mengirimkan 300 surat yang lengkap dengan borang untuk diisi oleh orang-orang yang telah dipilih oleh jawatankuasa itu.

Haji Sulaiman menambah, bila pihaknya telah menerima kira-kira 200 borang yang lengkap, ia akan disusun mengikut kategori yang sesuai dengan seseorang jasawan itu.

Setelah disusun menurut kategori yang sesuai, persatuan akan menulis mengenai kegiatan mereka

Information

Newspaper:
Berita HarianDate:
5 April 1985Reel Number:
NL15039

Share

Table of Contents

[Previous](#)[Page 3](#)[Next](#)

Omniplanetarium: SSC mula pungut derma

Omniplanetarium: SSC mula pungut derma Oleh: ZAINAL JAMARI PUSAT Sains Singapura (SSC) telah

Badan perlu ada jadual kerja yg teratur

Badan perlu ada jadual kerja yg teratur PERTUBUHAN sukarela mestilah menyusun jadual kerja yang teratur

Khidmat tambahan bas ke Bukit Batok

Khidmat tambahan bas ke Bukit Batok PARA penduduk di Bandar Baru Bukit Batok akan beroperasi minggu ini

[View Full Table of Contents](#)

mengikuti butir-butir yang telah di-berikan di dalam borang berke-
naan.

Beliau menambah, jika segala-
galanya berjalan dengan licin,
maka buku 'Jasawan Kita' dijangka
akan dikeluarkan pada tahun ini
juga.

Antara orang-orang di dalam
senarai yang ditetapkan oleh jawa-
tankuasa, dan setengahnya telah
pun membalas surat yang dikirim-

kan, adalah seperti berikut.

Di kalangan orang-orang yang
bergiat dalam bidang kemasyarakatan
dan pernah menolong membuka
Kampong Melayu ialah Allahyar-
ham Haji Ambo Solo dan Haji
Yunus Abdullah.

Bidang kewartawanan ialah
Allahyarham Rahim Kajai yang
pernah membuka akhbar Melayu di
sini iaitu Berita Malai, Allahyar-
ham Othman Kalam dari Radio Ma-
laya, di Singapura yang terkenal
dengan nama Pakcik Othman.

Golongan guru

Cik Zahara Za'aba bekas penge-
lola bahagian Melayu Radio Singa-
pura yang kini telah bersara dan
menetap di Malaysia, Encik Zaip
Mahmud yang banyak menulis skrip
drama radio dan televisyen sebelum
menetap di Malaysia.

Golongan guru pula termasuk
Haji Harun Aminurrashid,
Allahyarham-allahyarham Haji
Buyong Adil, Mahmud Ahmad dan
Haji Abdul Rahman Mohd.Said
(bekas presiden Kesatuan Guru-
Guru Melayu Singapura) dan Muha-
mad Simin.

Related Articles

Waris2 sambut baik projek 'Jasawan'
Berita Harian 19 February 1985

Waris2 sambut baik projek 'Jasawan' BUKU
Jasawan Kita yang diusahakan ...

PWM giat lengkapkan buku 'Jasawan
Kita'

Berita Harian 19 January 1985

PWM giat lengkapkan buku 'Jasawan Kita'
MASYARAKAT Melayu sebagai sala...

Projek buku jasawan: MP sedia
kerjasama

Berita Harian 3 March 1983

Projek buku jasawan: MP sedia kerjasama
MAJLIS Pusat Pertubuhan-Pertub...